

M0002

theMarilyns

APA KHABAR
SANDIWARA?

Teman

Wahai
teman...dengarlah
Geritaku...yang pilu
Berikanlah pendapatmu
ku mengharapkan
senyuman mu

Di waktu gembira
dan duka ku harap
kau bersama

Nyanyikanlah...lagu ku
Sumbangkanlah
senikata mu
Bergembiralah di
sampingku
Kan ku berikan
keikhlasan ku

Di waktu gembira
dan duka ku harap
kau bersama

Just come to me...
berdamping dengan ku
Just talk to me...bicara
denganku
Just smile at me...
bebaskan rinduku
Just set me
free...jadilah temanku

Di waktu gembira
dan duka ku harap
kau bersama

Oh...ku ciptakan lagu
hanyalah untukmu
kerna kau yang satu
Teman Setia Ku

lagu/lirik : aza

Dimanakah Timor

Disebelah barat kota kesayangannya
Ada imaginasi cerita sebenarnya
Kau hanya permainan minda
Masih ada rindu di kerdipan mataku
Merisik ceritanya yang tiada penghujungnya
Cintaku sesuci cintamu
Dimanakah cintamu, dimanakah cintamu cinta hanya
pada yang satu
Dimanakah cintamu, dimanakah cintamu cinta hanya
pada yang satu
Dimanakah timor, cinta kesudahannya
Tiada mentari, gelita segalanya
Cintaku...di lain dunia

lagu : imran/aza lirik : leesan/aza

Dewi Hilang

Hayalan sebuah sketsa...yang datang membara
Lama sudah kau menghilang masih ku terbayang
Wajahmu oh sayang Suaramu menghilang mengapa
Lama menanti sudahku...fikirku tak mungkin
Dimana hilang Dewi ku tiada serimu
Di Ruang hati ku. Perginya hadirmu di mana

Engkau hilang sudah
Cuba tak terdaya
Luka sudah luka
Di mana sudah tiada
Akhirnya kau hilang jua...Dewi

lagu : aza lirik : leesan

Cahaya

Kita Manusia...
Selalu leka...
Asyik kejar Dunia...
Akhirat lupa...

Cos' I've told myself right now...
You have to believe me...
You have to believe

lagu/lirik : aza

Speda Baru

Isnin pun tiba, rasa
tak selesa
Letih gila rasa malas
Pabila Selasa, Boss
selalu marah
Tak kerja asyik
MC sahaja

Ku punya cerita
Ku ingin membeli Speda...lima
ribu dollar
Hutang sini sana, asalkan
boleh bergaya
Macam orang kaya

Hari ketiga di
warong kopi.
Mencari mangsa niat nak
pinjam lagi
Khamis pun tiba,
talipon 'ceti'
Punya happy dapat
berhutang lagi

Ku punya cerita
Ku ingin membeli Speda...lima
ribu dollar
Hutang sini sana, asalkan
boleh bergaya
Macam orang kaya

lagu/lirik : aza

Hari-hari indah

Usahlah kau merintih
Biarlah apa yang berlalu menjadi
sebuah sketsa,
Kebumikanlah mimpi ngeri
Yang tidak membawa erti

Sambutlah tanganku
Kerana kita akan bersama-sama
Mengharungi segala ranjau
Se-nyum- lah Senyumlah sayang
Tabahkanlah hati

Dan apabila esok menjelma
Kami akan kecapai kebahagiaan
Sebagai hadiah ketabahan
kita pada hari ini

Sambutlah tanganku
Kerana kita akan bersama-sama
Mengharungi segala ranjau
Se-nyum- lah Senyumlah sayang
Tabahkanlah hati

Bawaku bersamamu untuk
meneruskan hari-hari indah
Bawaku bersamamu untuk
menyanyikan lagu-lagu cinta
Bawaku bersamamu untuk
melagukan bayu-bayu-indah

lagu : aza lirik : starry sha

Biarkan

Entah dimana engkau pergi
Mungkin dalam kebencian tak
peduli kata orang
Kau hanya ingin sendirian
Mungkin ini semua suratan

Tiada guna kau menyendiri
Apa guna kau membenci...
Kalau kau tak kenal erti hidup ini
Biar aku meneruskan perjalanan
Biar senja itu menyendiri lagi
Kau akan tetap di hati

Tiada guna kau menyendiri
Apa guna kau membenci...
There you go again girl just tell me now
...you blew it away again
Not again....

lagu : aza lirik : leesan

Ini Dunia Baru

Bila sendirian, ku
perlu cinta
Bila bercinta, ku lupakan DIA
Tiada ku sangka, tidak ku menduga, yang
kau amat pentingkan dunia

So I sing na na na, peperangan tiada,
tiada sengketa
hidup hanya berpesta
Di dunia Baru tiada
berduka semua
orang gembira, so I sing
na na na na

Lupakanlah saja dunia yang lama
Watak-wataknya
sandiwara dusta
Semua pelakornya mati tak
bernyawa binasa
oleh angkara mereka

So I sing na na na,
peperangan tiada,
tida sengketa
hidup hanya berpesta
Di dunia Baru tiada
berduka semua
orang gembira, so I sing
na na na na

Katakanlah saja dunia tak
kau pintah
Maafkanlah saja sengketa
yang lama
Dunia akan musnah kerana
Dunia tua
Dunia yang baru
kekal selamanya
Itu dunia ku...
dunia baru ku...

tunggulah aku di situ

lagu : aza/ka lirik : aza

Melodi Buat Anakku

Kau selalu di mataku,
Nama mu sepintas bibirku.
Kaulah permata hati. Pelepas resah hati.
Tap kali ku kokosongan tanpa tawamu.

Namamu nafas dadaku. Pelukan yang selalu
ku rindu. Ku cari setiap detik. Kau tiada di
sisi. Betapa dalamnya kasihku terhadapmu.

Masa-masa kau rayu meminta belai dari ku.
Aku kan dakap dirimu dan berbicara.

Oh Sayang...cukuplah kau menangis.
Tak perlu kau merintih. Kan ku bersamamu
hingga akhir. Kelak kau dewasa nanti, tiada
apa yang ku dambakan. Hanya belaian
kasihmu di hari tuaku.

Kini kau dapat melagukan tika bertemu
Mamamu. Lama sudah ku nanti wajah indah
puteri. Bakal ku gelar isteri syurga kita.

Masa-masa kau rayu meminta belai dari ku.
Aku kan dakap dirimu dan berbicara.

Oh Sayang...cukuplah kau menangis.
Tak perlu kau merintih. Kan ku bersamamu
hingga akhir. Kelak kau dewasa nanti, tiada
apa yang ku dambakan. Hanya belaian
kasihmu di hari tuaku.

Hanya kaulah yang satu oh anakku

lagu/lirik : imran

Kedatangan (lebaran)

Berhari-hari kha talui
Bertukar ganti datang dan pergi
Hidup penuh cabaran
Menguji ketabahan setiap insan
Lumrah kehidupan
Tenteramnya hati sepurnama
Kemikmaran indah berpuasa
Oh Rindunya Si dia
Ingin sama menyambut
Aidilfitri terindah,
mari nyanyi bersama

Yeah Yeah
Hari Lebaran yang ku nanti
Kembali menyinar
Kan terik lagi harapan menjelma

Yeah Yeah
Riangnya suasana ini
Senyuman terukir kemana kupergi
Kau di sisi

lagu/lirik : imran



The Marilyn's mengucapkan terima kasih kepada:

Tuhan Yang Maha Esa, ahli keluarga kami, semua kakitangan Beat Merchants Studio, Firefly Studio, Latip, Jaja, Hidden Agenda (Rizal Martar & Chee Yin), Joshua (Genesis) & Samuel, Wadi, F.Y.I, Mimi(Serenaida), kru dan artis-artis muzik video kami, Borhan (RIA 89.7FM), Soundschemers, pemuzik tanahair ... "teruskan perjuangan!", teman-teman yang sentiasa memberi dorongan dan kepercayaan kepada kami dan semua peminat muzik tanahair ... "Support local music!"

MANAGED BY Beat Merchants.

PRODUCED BY Beat Merchants
& The Marilyn's.

MIXED BY Ewan Faz.

ENGINEERED BY Aidil.

RECORDED AT Beat Merchants Studio.

MASTERED BY Wadi (geurilla-audio.blasphemic.com)

IZRIN : Lead guitars on Biarkan.

STARRY SHA : Backing vox on Hari-Hari
Indah & Dimanakah Timor.

FADZLY : Drums on Hari-Hari Indah.

IMRAN : Backing vox on Kedatangan.

SAIFUL (Y2K) : Rythm guitars on Teman

ART DIRECTION & DESIGN: Aza
& Firefly Studio.

PHOTOGRAPHY: Ben Quek.

MTV PRODUCERS: Rizal & Chee Yin
(Hidden Agenda).

ILLUSTRATION: LilPinkDevil(Artvsts).

INTERACTIVE CD INTERFACE: Dominic Leong.

Website : themarilyns.com
Email : info@themarilyns.com
Tel : 6292 0097 (Yasir)



theMarilyns : Aza (Acoustics, Vox)
: Aşri (Guitars)
: Andy (Drums)
: Edy (Keyboards)
: Kai (Bass)

theMarilyns

© 2005 Beat Merchants
The label copy information is the subject
of copyright protection. All rights reserved.

BEAT MERCHANTS
SINGAPORE

APA KHABAR,
SANDI JABA?

*The music video can be viewed by using
Quicktime movie player in your pc/mac.
Please download the application from the internet
www.apple.com/quicktime/products/qt/

1. dimanakah timor(4:21) 2. dewi hilang(4:54) 3. teman(5:00) 4. hari-hari indah(3:17) 5. melancholic(1:39) 6. melodi buat anaku(3:47)
7. kedatangan(5:47) 8. dunia baru(4:41) 9. spada baru(3:55) 10. biarkan(4:55) 11. cahaya(1:27)
*bonus track: dewi hilang (Music Video-Quicktme format)

BEAT MERCHANTS

studio

© & © 2005 Beat Merchants.
This label copy information is the subject of
copyright protection. All rights reserved.